

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM LANCAR PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) SULUNG

KUALA LUMPUR, Khamis, [4 Ogos 2022]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2022-2025 sulungnya bagi mencerminkan komitmen berterusan memastikan kelakuan, tadbir urus dan nilai integriti yang tinggi dalam segenap perniagaannya.

Pelancaran pelan tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Bank Islam, Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar dan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Izani Wan Ishak pada majlis yang berlangsung di Hotel EQ Kuala Lumpur baru-baru ini.

Turut hadir ialah Presiden Transparency International Malaysia, Dr Muhammad Mohan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed.

Menurut Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar, "OACP Bank Islam adalah strategi tiga tahun untuk mengukuhkan aspek tadbir urus, integriti dan kawalan antirasuahnya dengan pendekatan 'toleransi sifar' terhadap sebarang bentuk rasuah."

Tambah beliau, sebagai organisasi yang secara langsung menguruskan amanah pelanggan, Bank Islam peka bahawa kredibilitinya bergantung pada ketelusan, kecekapan dan etika perniagaan.

"Oleh itu, Bank Islam akan sentiasa mengikuti perkembangan pengurusan risiko integriti dan mengambil langkah untuk mencegah sebarang tingkah laku tidak beretika, terutamanya rasuah," katanya.

Jabatan Integriti dan Tadbir Urus, di bawah Bahagian Pematuhan Kumpulan Bank Islam akan menyelia aspek pemantauan dan penilaian inisiatif dan pelan tindakan OACP untuk memastikan kejayaannya.



Kasyen: (dua dari kanan) Pengurus Bank Islam, Tan Sri Dr Ismail Hajji Bakar menyerahkan Buku Pelan Antirasuah Organisasi (2022-2025) Bank Islam kepada Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM, Datuk Izani Wan Ishak pada majlis yang berlangsung di Hotel EQ Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my